

# Kedah mahu tubuh sebuah lagi perpustakaan khazanah Dr. Mahathir

*Utusan Malaysia – 6 Mei 2005*

ALOR STAR - Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah (PPANK) bercadang menubuhkan satu lagi perpustakaan bagi mengumpul pelbagai khazanah dan koleksi peribadi bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ahli Lembaga Pengarah PPANK, Prof. Tan Sri Ismail Hussein berkata, projek membangunkan perpustakaan itu merupakan antara usaha pihaknya mengenang dan memperingati segala jasa dan pengorbanan Dr. Mahathir terhadap tamadun Melayu, Islam dan kemajuan negara.

Katanya, perpustakaan itu boleh dijadikan gedung ilmu dan rujukan terbaik kepada semua masyarakat dan peringkat umur kerana ia akan memberi sumber inspirasi dan semangat baru kepada generasi muda.

“Jika ada cadangan untuk membangunkan tugu peringatan bagi mengenang jasa Dr. Mahathir, saya rasa lebih baik kita bangunkan perpustakaan yang akan dapat dimanfaatkan oleh semua generasi,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata, lokasi dan tapak cadangan membangunkan perpustakaan itu telah dikenal pasti dan ia sedang menunggu kelulusan daripada kerajaan negeri.

“Cadangan ini telah dikemukakan sejak tahun lalu dan kita berharap ia akan menjadi kenyataan,” jelasnya.

Ismail berkata, perpustakaan itu juga akan melengkapkan lagi pengetahuan orang ramai terhadap sejarah Dr. Mahathir di samping bahan-bahan yang dipamerkan di Rumah Kelahiran Dr. Mahathir di Seberang Perak, di sini.

Beliau memberitahu, perpustakaan seumpama itu telah lama dibangunkan di luar negara untuk mengenang jasa bekas pemimpin negara masing-masing dan ia juga berjaya menarik perhatian pelancong melawat ke tempat bersejarah itu.